

Qalam

Bilangan 34 – Mei 1953 – Syaaban 1372 – 60 sen

MAJLIS MUZAKARAH

Banyak fikiran-firan dan pendapatan-pendapatan yang telah diberi atas rancangan mengadakan majlis muzakarah yang akan di adakan di Pulau Pinang pada awal bulan Mei ini. Majlis muzakarah itu adalah seolah-olah menyambung majlis muzakarah yang telah diadakan oleh persatuan Islam di Kepala Batas dahulu yang mengambil keputusan-keputusan yang dibahas mereka sesama mereka di dalam 16 perkara yang di katakan khilafiah itu.

Kita mendapat tahu bahawa salah satu daripada sebab-sebabnya majlis muzakarah ini diadakan ialah oleh kerana pihak Haji Abdullah Fahim, mufti Pulau Pinang, dan pengikut-pengikutnya menuduh pihak Haji Ibrahim Akibi itu sebagai kaum Khawarij pada hal punca segala masalah itu terbit daripada mengambil fahaman yang berlainan yang terkandung di dalam masalah khilafiah yakni jika dipandang dengan fikiran yang tenang adalah ia suatu masalah yang tidak mengeluari daripada batas-batas yang lazim diikut yang sehingga menuduh saudara-saudaranya orang Islam keluar dari lingkungan mereka – yang demikian ini seolah-olah mereka menyertai anasir yang memecah belahan persatuan umat.

Banyak fikiran-fikiran telah diberi tentang ini di antaranya ada yang mengatakan perbuatan itu sesia belaka dan tidak berfaedah dan ada di antaranya yang memberi fikiran itu yang buta agama yang tidak mengetahui selok belok masalah itu dan punca-puncanya – mencampuri sesuatu perkara yang menentukan di antara hak dan batil – yang akan melepaskan sepihak itu daripada tuduhan keluar daripada lingkungan

Islam yang dituduhkan di atas mereka iaitu suatu kewajipan kepada mereka menjelaskan kepada umat adakah mereka itu kaum Khawarij atau adakah mereka itu orang-orang yang mendirikan sunnah Rasulullah Ṣallā Allāh 'alaih wa Sallam – kerana itu terhad mereka dengan apa jua jalan pun untuk membersihkan segala tuduhan-tuduhan yang didatangkan kepada mereka dengan tidak beralasan dan dengan kemahuan apa lagi di dalam perkara yang demikian ini. Di sebalik kejadian-kejadian itu, hidup perasaan sahsiah untuk meruntuhkan satu pihak dengan satu pihak yang lain yang tujuannya untuk faedah diri dan keselamatan diri sendiri sahaja.

Menurut pendapatan kita jika telah menjadi sedemikian itu keadaannya, majlis muzakarah itu sememangnya mustahak diadakan untuk perhatian kepada ramai supaya orang umum mengetahui di mana kedudukannya yang terang; dan orang awam mengetahui apa hujah-hujahnya yang dipakai supaya mereka itu tidak lagi jahil di dalam menentukan pendiriannya oleh sebab jika umat kita jahil – kurang diberi penerangan dan kurang pertunjuk maka perbangkitan-perbangkitan masalah khilafiah itu merebak oleh sebab pengikut yang jahil itu buta mata hatinya daripada menyelami kebenaran-kebenaran yang dibahas dan dirundingkan itu; yang demikian ini bertambah lagi sekiranya telah ditanamkan perasaan kepada orang-orang yang jahil itu bahawa apa kata guru-guru mesti diikut atau “guru saya telah kata begini” maka kita mesti mengikut dengan membuta tuli dan tidak mengikut lagi hujah-hujah dan keterangan-keterangan yang nyata yang berasal dari al-Quran dan al-Hadis, punca dan tempat sandaran yang tidak akan menyesat dan mengelirukan sebagaimana sabda Rasulullah Ṣallā Allāh 'Alaihi wa Sallam yang maksudnya : *“telah aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, tidak sekali-kali kamu akan sesat kiranya kamu berpegang kepada keduanya – kitab Allah Ta’āla dan sunnah Rasul-Nya.”*

Kalau telah demikian itu kenyataan dan telah demikian itu pesan dan amanah Rasulullah untuk perpegangan kita maka mengapakah kita mengutamakan yang lain daripada kitab Allah

dan sunnah Rasul-Nya itu? Sudah tentu tiap-tiap orang kita mengakui dan tiap-tiap alim ulama kita mengakui bahawa di sinilah tempatnya kata pemutus.

Dengan bersandar kepada cara yang demikian inilah timbulnya ghairah dan perasaan orang-orang kita sekarang apabila seseorang menentukan sesuatu hukum maka mereka menghendaki keterangan-keterangan dan hujah-hujahnya itu sedapat-dapatnya tidak lain daripada al-Quran dan al-Hadis iaitu mengikut muktamad sesuatu hukum yang akan di jalankan.

Dengan kerana itu timbulah faham-faham dan keinginan-supaya keadaan yang berzaman-zaman telah mengikut cara-cara tidak memberi keterangan itu dibalikkan pula supaya memberi keterangan-keterangan daripada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya supaya tetap dan tegap agama itu mengikut sebagaimana cara asalnya.

Pegangan orang inilah yang menghendaki, terutamanya dalam perkara ibadat supaya cara-cara dan kelakuan-kelakuan yang dijalankan di dalam ibadat itu semata-mata dengan cara yang dijalankan oleh Rasulullah Salla Allah 'Alaihi wa Sallam dan jika ada perkara-perkara dilakukan di dalamnya tidak sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah Salla Allah 'Alaihi wa Sallam samada menambah atau mengurangi maka yang demikian itu tidak boleh dipakai ; dan sebab itulah umpamanya di dalam sembahyang mereka itu terbitlah masalah telafaz balaniah Bismillah di dalam Fatihah. Lafaz saidina di dalam tahiyyat dan seumpamanya lagi kalau sekiranya tidak di lakukan oleh Rasulullah Sallā Allāh Alaih Wa Sallam maka yang demikian itu bida'ah – menambah ketentuan-ketentuan yang ditentukan oleh Rasulullah Salla Allah 'alaihi wa Sallam - inilah dia masalahnya yang di pertahankan oleh mereka itu iaitu tidak akan digunakan oleh mereka sesuatu itu melainkan telah digunakan oleh Rasulullah Salla Allāh 'alaihi Wa Sallam dan dengan kerana itu bolehkah mereka itu di katakan kaum Khawarij? Adakah mereka yang berpegang kepada sunnah Rasul itu dikatakan orang-orang yang keluar daripada pengajaran-pengajaran Islam?

Umpamanya lagi kalau sekiranya boleh di adakan

suatu barang di dalam hukum-hukum yang telah di tentukan oleh Rasulullah Salla Allāh 'Alaihi wa Sallam di dalam sembahyang itu juga umpamanya bacaan rukuk itu digantikan dengan bacaan tahiyyat. Umpamanya oleh memandang kebajikan sembahyang Subuh yang dua rakaat itu ditambah lagi dua rakaat menjadi empat rakaat supaya bertambah khusyuk atau lebih pahala mengikut pandangan bersendirian baik – bolehkah kita lakukan? Jawapan tentu kita semua tidak bersetuju kepada cara yang demikian itu. Kita tentu tidak redha atas tambahan-tambahan yang demikian keran menyalahi daripada peraturan-peraturan yang nyata yang ditunjukkan oleh Rasulullah Salla Allāh 'Alaihi wa Sallam. Jadi pendapatan ini tidak meluluskan menambah atau mengurangi sesuatu yang ditentukan di dalam ibadat itu. Mereka mempertahankan faham semata-mata hanya atas perkara-perkara yang ditunjukkan oleh Rasulullah Salla Allāh 'Alaihi wa Sallam sahaja – selain daripada itu mereka pandang bidaah.

Mereka tidak mahu sekali-kali berpegang kepada cara “guru saya telah kata begitu” kalau tidak guru itu memberi keterangan-keterangan yang tepat yang bersandar dengan al-Quran dan al-Hadis yang telah diselidiki oleh mereka dan orang umum boleh pengikut penyelidikan mereka di dalam perkara-perkara yang tersebut dan sifat yang semacam ini tidak di namakan mereka bertaklid tetapi mereka d namakan orang yang itba' (ialah menerima, mengikut dan mengerjakan sesuatu yang di tunjukkan oleh seseorang dengan mengetahui alasan-alasannya daripada al-Quran dan al-Sunah).

Jadi di dalam majlis muzakarah yang diadakan itu kita akan mendapat kesan-kesan yang nyata yang menentukan adakah mereka itu membawa keterangan-keterangan di dalam sesuatu hujah mereka dengan beralasan daripada al-Quran dan al-Hadis yang “tidak sekali-kali akan menyesatkan kamu berpegang kepada keduanya (al-Quran dan al-Hadis itu).”

Sekiranya keterangan-keterangan mereka itu yang hanya ada pada mereka itu dengan hujah “guru saya kata begitu” maka

yang lain pula akan berkata : “guru saya kata begitu” sudah tentu kita telah meninggalkan wasiat dan amanat junjungan juta Muhammad Ṣalla Allah 'Alaihi wa Sallam dan membelakangkan syor-syor yang telah diberikannya kepada kita sebagai panduan ke mana kita akan berbalik kalau kita telah sesat jalan dan ke mana kita akan berpegang kalau kita telah kehilangan kemudi – yang demikian ini lebih keras kita pegang jika kalau kita menjalankan pekerjaan-pekerjaan ibadat dan yang demikian ini bersalah di dalam perkara yang lain oleh kerana sekiranya di dalam perkara ibadat itu kita letakkan falsafah, kita letakkan pendapatan dan pengertian kita maka ibadat itu akan binasa dan asas-asasnya akan rosak oleh kerana falsafah kita tidak akan dapat menilai di dalam sesuatu hukum yang kita mesti membuatnya seperti melempar batu di Jamrah di dalam menunaikan fardu haji dan lain-lain lagi. Ini ialah hujah-hujah yang menentukan bahawa kita tidak boleh mengambil dan tidak boleh mengurangi sesuatu yang ada keterangan-keterangannya daripada kitab Allah dan sunnah Rasul. Jadi muzakarah yang diadakan itu besar sungguh gunanya bagi orang yang lapang fikirannya untuk memandu orang umum mengetahui hujah-hujah yang nyata dan maqul yang beralasan kepada al-Quran dan al-Hadis dan sebalik itu orang umum diminta di dalam perkara ini tenang dan menggunakan fikiran yang siuman dan hendaklah mengingat bahawa “tidak ada agama bagi orang yang tidak berakal”.

Mudah mudahan kesudahan majlis muzakarah ini akan membuka mata dan akan membuka pengertian dan faham orang-orang kita lebih luas dan lebih mendalam untuk mengetahui hakikat-hakikat yang sebenarnya di dalam pengajaran-pengajaran agamanya – tidak kedudukan mereka sebagai orang yang menjadi pengikut buta, sebagai orang yang diselaputi oleh bidaah-bidaah. Sebagai

orang yang berjiwa beku. Sebagai orang yang memperhambakan diri kepada kekuasaan makhluk – tidak memperhambakan diri kepada kekuasaan Allah Subhānahu wa Ta‘āla supaya mereka mengetahui dengan keterangan-keterangan itu bahawa mereka akan hidup di dunia. Mereka di di kehendaki Allah hidup di dunia menjadi khalifahnya. Merasai kelazatan nikmatnya di dalam masa menunaikan ibadatnya sebagai orang yang khusyuk yang tidak takut selain daripada Allah Ta‘āla dan setelah keluar daripada mihrab seperti seekor harimau yang bersedia pada bila-bila masa pun untuk berjihad meninggikan agamanya.

Firman Allah : *Alhaqqū mirrabbikā falātakun min al-mumtarīn* (Al-Imran 60) maksudnya : “kebenaran itu dari Tuhanmu, kerana itu janganlah engkau jadi daripada orang-orang yang ragu-ragu”. Adakah mendirikan kebenaran, mendirikan hak yang tertentu di dalam ibadat itu dengan bersandar kepada dasar al-Quran dan al-Sunnah mesti kita undur daripadanya? Adakah kita akan menjadikan diri kita ragu atau waham di dalam ibadat kita, menjadikan kita pak turut dan tidak mahu menerima kebenaran yang ditunjukkan oleh Allah?! Orang-orang seperti yang tersebut kemudian ini tentulah termasuk orang-orang yang waham, orang-orang yang mengada-adakan barang yang tidak dibuat oleh Rasulullah – mengikut apa-apa yang dibuat mengikut kesedapan rasa dan fikiran sendiri juga.

Mudah-mudahan Allah memberi taufik kepada kita dan mudah-mudahan dengan adanya muzakarah itu kebenaran akan terserlah dan yang batil akan binasa - Amin

Sudah siap!!

Pesan Sekarang!!!

Cetak yang kedua
AISYAH

Dua penggal tamat sepenggal \$1.00 pos 10 sen.